

*PANTUN PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU*

JOHARI BIN YAHAYA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

*PANTUN PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU*

OLEH

JOHARI BIN YAHAYA

Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sastera
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
JANUARI 2015

PENGHARGAAN

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang**

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya telah memberi kekuatan dan keyakinan dapat menyiapkan tesis ini.

Pertamanya, saya ingin dedikasi serta ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Penyelia Utama, Puan Dr Hajah Sakinah Abu Bakar Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia. Beliau begitu komited, bersemangat dan tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar sepanjang pengajian saya sehingga dapat menghasilkan tesis ini. Khusus kepada Prof Dr Mohamad Mokhtar Abu Hasan daripada Universiti Malaya dan Prof Madya Dr Siti Hajar Che Man daripada Universiti Sains Malaysia serta semua pensyarah, kakitangan Universiti Sains Malaysia yang sentiasa memberi bantuan yang diperlukan. Sesungguhnya Allah SWT sahaja yang dapat membalas budi baiknya.

Juga, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta, isteri dan anak-anak yang telah memberi sokongan serta dorongan sehingga dapat menyiapkan tesis untuk Ijazah Sarjana.

Akhir kata, sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih.

Johari bin Yahaya

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	iii
Susunan Kandungan	iv
Abstrak	vii
1. BAB 1	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pemasalahan Kajian	14
1.3 Skop Kajian	21
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Kajian Literatur	23
1.6 Teori Dan Kaedah	26
1.7 Kepentingan Kajian	32
1.8 Organisasi Kajian	34
2. BAB 2	
2.1 Teori Pengkaedahan Melayu: Definisi dan Konsep	39
2.2 Pantun Warisan Budaya Melayu	46
2.3 Pantun Peribahasa Dalam Masyarakat Melayu Tradisi	61
3. BAB 3	
3.1 Nilai Moral Dalam Pantun Melayu: Analisis Pendekatan Moral	79

3.2	Alam Sebagai Lambang: Analisis Pendekatan Moral	111
-----	---	-----

4. BAB

4.1	Pemikiran Melayu Dan Kearifan Tempatan: Analisis Pendekatan Gunaan	123
-----	--	-----

4.2	Hubungan Pencipta, Manusia Dan Alam: Analisis Pendekatan Gunaan	144
-----	---	-----

5. BAB 5

5.1	Kesimpulan	185
-----	------------	-----

Rujukan	198
---------	-----

Lampiran	
----------	--

Senarai Rajah dan Gambar	
--------------------------	--

Rajah	
-------	--

Teori Pengkaedahan Melayu	28
---------------------------	----

Gambar	
--------	--

Pokok Padi	91
------------	----

Bunga Dedap	95
-------------	----

Buah Jagung	107
-------------	-----

Bunga Senduduk @ Keduduk	128
--------------------------	-----

Sawah Padi	130
------------	-----

Pokok Kemuning	142
----------------	-----

Bunga Melur	149
-------------	-----

Bunga Cempaka	149
Buah Peria	152
Daun Tembakau	152
Buah Pinang	159
Pokok Pinang	159
Bunga Kiambang	161
Bunga Mawar	163
Lalang	168
Pohon Manggis	169
Buah Delima	172
Buah Seri kaya	172
Buah Kelapa	173

*Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif
Teori Pengkaedahan Melayu.*

Abstrak

Kajian terhadap pantun Melayu telah banyak dilakukan oleh para sarjana tempatan dan Barat. Salah satu keistimewaan pantun Melayu ialah kekayaan bahasa kiasannya yang bernilai tinggi. Masyarakat Melayu tradisi amat dikenali dengan budi bahasa dan bersopan serta berbudaya ketimuran. Dalam pantun peribahasa Melayu, pelbagai aspek berkaitan dengan nilai dan norma hidup disampaikan sebagai wadah dalam bentuk nasihat, sindiran, gurauan dan medan meluahkan perasaan. Pemilihan perkataan yang digunakan disusun dengan teliti dan dapat menyelami nilai pemikiran yang kritis. Keindahan pantun peribahasa daripada irama yang indah, ketekalan minda dan sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat. Pantun peribahasa Melayu juga mempamerkan ketajaman pemikiran orang Melayu yang dapat mentafsir serta merentasi masa dan zaman, malah terkandung di dalamnya nilai budaya Melayu yang sarat dengan mesej sebagai pedoman hidup. Pantun peribahasa juga merangkumi setiap aspek kehidupan masyarakat tradisional masa lampau, di samping keakraban falsafah dan kearifan bangsa yang bertamadun tinggi boleh dilihat melalui pantun tersebut. Lantaran itu, orang Melayu tradisi berkebolehan mendaya cipta dalam pelbagai bidang ilmu, lahir dari hati nurani dan daya kreativiti bangsa Melayu yang beragama. Hal ini ditemui dalam pantun-pantun pilihan dalam analisis tesis ini. Pantun mempunyai nilai seninya yang indah, juga sebagai warisan bangsa yang hebat. Falsafah dan pemikiran Melayu yang terkandung dalam pantun dan kearifan tempatan boleh dihayati serta diselami secara terperinci di sebalik pembayang dan maksud pantun. Menerusi bacaan Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang persoalan pemikiran dan kearifan serta kebijaksanaan bangsa Melayu dapat di terokai dengan jelas

dan mudah. Menerusi pendekatan gunaan dan moral didapati nilai-nilai kemelayuan menjadi dasar yang terangkum di dalamnya persoalan kepercayaan, kebudayaan dan seluruh cara hidup orang Melayu itu sendiri. Keindahan Pantun Melayu yang dilakar melambangkan jati diri dan keperibadian dan juga khazanah Melayu yang sangat berharga. Keindahan pantun bersandarkan keindahan bahasanya, strukturnya, juga dari sudut makna yang merangkumi keseluruhan kebudayaan Melayu. Kajian seumpama ini akan memastikan kegembilangan tradisi Melayu itu dapat kekal berpanjangan.

Malay Proverb Poem: An Analysis From The Perspective Of Malay Methodology Theory.

Abstract

Studies of Malay pantun has been done by many local and international scholars. Poems has great interest to the researchers. One of the privileges of the Malay poem is its figurative language of value. The Malay community are well-known of its tradition of courtesy, politeness and eastern culture. In the Malay proverb poem, various aspects related to the values and norms presented as a means to delivering advice, sarcasm, jokes and expression fields. The choice of words are used carefully to compile and it can explain the pattern of critical thinking. The beauty of proverb poem never misses its beautiful rhythm, consistency of mind and as an effective communication tool to convey the meaning of it. Malay proverb poem thought to exhibit the sharpness of the Malays thought that can interpret across time and age. Besides, it contains Malay cultural values that are loaded with messages as a guide for life. Proverb poem also covers every aspect of traditional life of the past, as well as the philosophy and wisdom closeness to the high civilized nation that can be seen through the poem. Thus, the Malay tradition circumvent copyright competent in various fields of knowledge, born from the creativity of conscience and the religious Malays. It is found in many selected poems in the analysis of this study. Poems has been tested and received worldwide recognition for its beautiful artistic value, as well as a great national heritage. Philosophy and Malays thinking contained in verse and local wisdom that can be internalized and explore in detail to discover the poem.

Through reading Malay Theory Methodology idea by Hashim Awang question the wisdom of the Malays can be explored in clear and simple form. In the context of applied approach it can be found that Malay values has embodied within the policy question of faith, culture and the way of life of the race. Malay poem are crafted with beauty that symbolize Malay identity and personality that are valuable treasure. Beauty of the poem include language, structure, meaning and Malay culture. On its own study like this will ensure the glory of Malay tradition to be long remain.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Berbanding dengan puisi tradisional Melayu yang lain seperti gurindam, seloka, nazam dan syair, pantun masih popular hingga masa kini. Pantun dua kerat dan pantun empat kerat masih mendapat tempat dalam masyarakat moden. Pantun masih kedengaran dalam lagu-lagu rakyat seperti boria, dondang sayang dan zikir barat walaupun lagu-lagu rakyat ini jarang berkumandang. Pantun juga masih digunakan dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis peminangan dan pernikahan. Begitu juga dengan acara dan majlis lain, biasanya juruacara dan pembicara sering membuka, menutup dan menyelitkan ucapan dengan serangkap pantun.

Ramai sarjana Melayu membuat kajian dan pembincangan tentang pantun, di antaranya Muhammad Haji Salleh, Md, Salleh Yaapar, Tajul Kelantan, Darus Ahmad, Harun Mat Piah, Zainal Abidin Bakar, Jamilah Haji Ahmad, Samad Ahmad, Zakaria Hitam, Asmad, Ghazali Dunia dan Yahya Ismail. Sementara dalam kalangan sarjana Barat pula terdiri daripada R.O. Winstedt, H. Overbeck, A. Hamilton, M. G. Emies, C. Hooykaas, L. Phillip Thomas, R. J. Wilkinson, C. Hugh Holman dan Rene Daillie. Pantun merupakan corak hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu dicerminkan melalui pantun. Za'ba di dalam bukunya bertajuk *Ilmu Mengarang Melayu* (1965: 219) mengatakan bahawa penciptaan pantun merupakan puisi tertua dan milik asal kepunyaan masyarakat Melayu. Umum menyatakan bahawa pantun adalah ciptaan asli orang Melayu. Ia bukan adaptasi

daripada puisi-puisi Jawa, India atau Cina. Ini bermakna, pantun merupakan puisi asli yang dimiliki oleh masyarakat Melayu serta paling awal muncul berbanding puisi yang lain (Harun Mat Piah, 1989: 122).

Ketamadunan¹, peradaban dan martabat sesuatu bangsa di zahir melalui karya-karya sastera tradisional. Karya-karya ini menjadi khazanah bangsa yang tersangat bernilai; memaparkan kehidupan masyarakat Melayu lama yang merangkumi sejarah dan budaya. Naskhah hasil karya yang ditemui membuktikan bahawa masyarakat Melayu menggunakan sastera sebagai wadah merencanakan seluruh aspek kehidupan mereka dengan nilai-nilai murni² hasil daripada sastera yang diperturunkan dari generasi ke generasi.

“Buat masyarakat, kesusasteraan merupakan salah satu bidang keseniannya, manakala kesenian itu pula sebahagian daripada kebudayaannya. Kerana itu kesusasteraan adalah cabang terpenting bagi kebudayaan Melayu. Maksudnya dari kesusasteraan kita dapat melihat cara hidup, fikiran, sikap dan peradaban masyarakat Melayu” (Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman, 1985: 5).

Karya yang dihasilkan dalam bentuk cerita ditulis dalam pelbagai genre seperti cerita rakyat, panji, epik dan hikayat. Sementara itu, karya yang bukan berbentuk cerita merupakan contoh teladan dan pengajaran yang merangkumi pelbagai bidang ilmu berkaitan dengan keagamaan, ilmu hisab, ilmu bahasa, ilmu bintang, ilmu senjata, ilmu pertukangan, ilmu perubatan, kesenian, yang juga termasuk puisi lama seperti pantun, syair, gurindam, nazam, seloka, teka-teki, peribahasa berangkap, teromba, talibun, prosa lirik, mantera dan zikir .

Sastera rakyat pula menyatakan hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi secara lisan. Istilah sastera rakyat sering kali disamakan pengertiannya dengan tradisi lisan selain *folklore*. Pantun merupakan sejenis puisi tradisional Melayu; milik orang Melayu yang mekar lagi subur. Pantun dicipta sebagai suatu pengucapan untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau berkaitan sesuatu perkara, malahan pantun juga digunakan untuk menyindir, berjenaka, memberi nasihat dan bersuka-suka. Sehubungan itu para sarjana Barat dan Timur membuat kajian tentang pantun dan juga berkaitan dengan kesusasteraan Melayu. Antaranya, *A History of Classical Malay Literature*, (R. O. Winstedt dan R. J. Wilkinson (1969) *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* Rene Daillie (1990), *Malay Pantuns* (A. W. Hamilton, 1959) dan sarjana Timur yang mengkaji tentang dunia pantun Melayu, seperti Za'ba (1963) *Ilmu Mengarang Melayu*, *Kalung Bunga Buku 1* (1964), *Pantun Melayu* (Ahmad Babji, 1958), *Langgam Sastera Lama* (Ghazali Dunia, 1969), *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* (Harun Mat Piah, 1989), *Kumpulan Pantun Melayu* (Zainal Abidin Bakar, 1992) Kajian dilakukan terutamanya tentang asal usul pantun, khususnya dari segi bentuknya yang membezakan daripada bentuk puisi Melayu yang lain.

Persoalan pokok yang perlu diutamakan di sini ialah untuk melihat dan menilai sejauh mana pantun Melayu dapat dianggap sebagai karya agung Melayu. Anggapan ini telah diterima dan diakui oleh para pengkaji, dari dahulu hingga kini, baik pengkaji orientalis mahupun para sarjana tempatan. Pantun adalah puisi istimewa, yang tidak tolol bandingnya. Suatu konsep atau gagasan yang memerlukan huraiyan yang panjang dapat dinyatakan dalam satu rangkap yang ringkas, dalam bentuk yang padat dan indah. Ciri-ciri keagungan ini dapat dilihat berdasarkan ukuran kita terhadap karya yang dianggap atau yang diangkat sebagai karya agung Melayu. Empat aspek yang penting yang dijadikan ukuran ialah; Lambang dan pesanan yang disampaikan, nilai seni dan budaya, nilai ilmu dan teknik kepenggarangan (Harun Mat Piah, 2001: xxvii)

Keistimewaan bahasa pantun yang indah dan menarik minat ramai pengkaji untuk membuat kajian pantun, justeru banyak wacana dapat dihasilkan tentangnya. Kata asal pantun dan ertinya telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Pijnappel, Hoessein Djajadiningrat, Zainal Abidin Ahmad, Wilkinson, Winstedt dan Van Ophuijsen. Sesungguhnya pantun mendapat sorotan dan kritikan yang cukup meluas daripada kalangan sarjana Melayu dan Orientalis Barat³. Sarjana tempatan memperjelaskan pengertian pantun;

Sesungguhnya pengertian pantun sebagai pepatah atau peribahasa ada perkaitannya dengan perkataan dan pengertian yang sama dalam bahasa-bahasa Nusantara yang lain. R. Hoessein Djajadiningrat, memetik keterangan Winter dalam *Javaansche Zamenspraken* (jil ii, hlm 207) bahawa *pari* yang bererti *basa, babasan*, iaitu peribahasa atau perbandingan; dan peribahasa itu dipakai bagi orang yang suka membuat perbandingan untuk mengolok-olokkan. Dalam bahasa Jawa pula perkataan pantun itu adalah bentuk Krama kepada pari, iaitu kependekan daripada *peribahasa* atau *pribha'sja'* dalam bahasa Sanskrit. Ertinya disini, perkataan pantun bererti juga paribisa atau peribahasa dalam bahasa Melayu (Djajadiningrat 1933,1934 dalam Harun Mat Piah, 1989: 107).

Pantun boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pembayang dan maksud pantun. Kebiasaannya, pembayang maksud diambil dari pemerhatian sumber alam, sebagai pemula bicara sebelum penyampaian maksud pantun tersebut. Menurut Francois-Rane Daillie;

"This brief poem is on epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within it self all the elements of the Malay man's life: his land, his house, his garden, his paddy field, the river, the sea or the forest, the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use; It expresses his customs and traditionals, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, women and God. It also sounds, every often, like his personal magic mentera, which everyone can use for himself without the helf of any established pawang or bomoh-magicians of sorcerer. It belongs to everyone. It is composed of the simplest words of everyday use, its syntax itself is reduced to the essential connections-to the point of making it rather cryptic sometimes-and its rhythm deeply ingrained in common ordinary speech" (Francois-Rane Daillie,1990: 6)

Sarjana ini menjelaskan bahawa pantun Melayu merangkumi kehidupan masyarakat Melayu dengan alam semesta. Ianya menyentuh segenap penjuru alam tentang tanah, rumah, sungai, laut, tanaman pokok, buah-buahan, ikan, unggas dan hutan belantara. Selain itu pantun⁴ juga menyentuh kepercayaan masyarakat Melayu tradisi tentang adat lama, iaitu jampi serapah, mentera oleh pawang atau dukun. Pantun Melayu juga membincang tentang cinta teruna dara, lelaki wanita dan juga ketuhanan. Setiap rangkap pantun padat, ringkas serta memberi begitu berkesan di jiwa, sering digunakan oleh masyarakat Melayu lama. Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1996: 91) menyatakan bahawa pantun lahir dan berkembang dalam masyarakat Melayu yang buta huruf dan sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan pantun dilakukan dengan rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang indah dan menarik. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat, dan dengan itulah meletakkan pantun sebagai tradisi budaya yang dapat dianggap popular dan tahan diuji sepanjang zaman.

Pendapat R. O. Winstedt menyatakan bahawa bentuk pantun mula tercatat di dalam karya sastera pada abad kelima belas. Pantun pertama kali muncul dalam *Sejarah Melayu* dan hikayat-hikayat popular sezaman. Harun Mat Piah pula berpendapat, oleh sebab pantun adalah suatu bentuk sastera lisan dan masih berkedudukan begitu hingga sekarang, tidaklah dapat ditentukan tarikh ia dicipta dan popular dalam masyarakat Melayu. Sebagaimana genre-genre puisi yang lain, mantera, teromba, gurindam, seloka dan talibun atau sesomba, pantun mungkin telah wujud dan terkenal sejak zaman-zaman permulaan lagi, iaitu terdahulu daripada kedatangan Islam bahkan lebih awal daripada kedatangan Hindu. (1989: 116-117). Pantun juga disisipkan dalam syair-syair seperti *Syair Ken Tambuhan*. (Liaw Yock Fang, 1975: 285). Para pengkaji lain, termasuk A.

Teeuw (1966), Mohd Taib Osman (1966) berpendapat bahawa pantun mungkin telah dikenali lebih awal daripada *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai*, yang kedua-duanya merupakan sumber bertulis. Oleh sebab pantun daripada khazanah lisan, semestinya telah dikenali malah mencapai kedudukan popular sebelum diabadikan dalam karya-karya bertulis. Dalam hubungan yang sama, *Van Ophuijsen* (1926) dan *Brandstetter* (1898) menghubungkan penciptaan pantun dengan tradisi “umpama” dan “andai-andai” dalam masyarakat Batak Mandailing dan bentuk-bentuk puisi yang lain dalam masyarakat.

Sarjana dan penulis berketurunan Cina seperti Goh Then Chye, Liaw Yock Fang, Phoon Mun Kwong, F.L. Wong turut membantu menyebarluaskan kefahaman masyarakat dunia terhadap keunggulan pantun yang sudah diakui sebagai satu-satunya genre kesusastraan Melayu yang asli, indah dan tidak lapuk ditelan zaman sentiasa mengikut rentak perubahan dengan mesejnya yang bersifat semasa (Mohd. Rosli Saludin, 2007: 15).

Budaya berpantun sebenarnya budaya orang Melayu; hubung kait suatu pencernaian alam, genjala alam, hubungan manusia dan sejarah malahan hampir semua bentuk kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional ada dalam pantun. Pertalian sejarah, budaya dan kesenian orang Melayu. “Sebagai hasil kreatif manusia Melayu yang terawal, pantun merupakan khazanah silam yang amat bernilai sasteranya tetapi juga nilai dokumentarinya. Pantun membawa bersama-sama seluruh perawakan; perwatakan tamadun Melayu silam, termasuk pemikiran, pandang alam, adab, adat dan segala rencah budaya leluhur yang halus dan tinggi” (Noriah Taslim, 2007: 81). Sejak zaman berzaman budaya menggunakan pantun hampir tidak pernah

dinggalkan dalam pelbagai bentuk persembahan seperti majlis keramaian, pesta, perkahwinan, pertunangan atau majlis rasmi. sejak dahulu. Namun dalam masyarakat sekarang budaya sebegini kian dilupakan.

Pantun digemari oleh masyarakat Melayu kerana genre puisi ini tidak dicemari unsur-unsur luar atau asing. Selain itu, pantun juga adalah hasil ciptaan atau gubahan orang Melayu sejati (*Kurik Kundi Merah Saga*, 2006: xlvi). Jika dibandingkan dengan lain-lain puisi tradisional, “suatu hal yang cukup penting dalam teori asal usul pantun ialah persetujuan para sarjana bahawa pantun berasal dari daerah Nusantara; ertinya, tidak daripada sumber asing, seperti India, Cina atau Jawa. Pantun adalah milik masyarakat Melayu, dihasilkan oleh manusia Melayu dan mencerminkan peribadi, nilai, dan minda Melayu” (Harun Mat Piah dan Hassan Ahmad, 2001: lix). Pantun lebih banyak digunakan dalam permainan rakyat berbanding dengan syair, gurindam dan seloka. Hal ini pantun juga digunakan dalam kesenian rakyat seperti ‘Boria’ terkenal di Pulau Pinang, ‘Dondang Sayang’ terkenal di Melaka. “Dondang sayang, walaupun tidak mempunyai banyak variasi dari segi lagu, tetapi oleh kerana penyebarannya begitu luas, jumlah pantunnya lebih banyak dengan pelbagai tema yang berhubung dengan masyarakat” (Harun Mat Piah, 1989:199). Begitu juga ‘Canggung’ cukup popular di Perlis, ‘Hadrah’ di Kedah. Ada kalanya pantun digunakan mengiringi tarian dalam persembahan kesenian tersebut. Ternyata bentuk pantun dengan bahasanya yang indah menjadi wadah komunikasi yang sangat diutamakan dalam bentuk-bentuk kesenian rakyat tersebut.

Begitulah mesranya kita dengan pantun. Malah, jika kegiatan berpantun di kalangan masyarakat ini kita perhatikan, kita akan dapat melihat betapa meluasnya pantun digunakan. Pantun menjadi langgam yang utama dalam dendangan rakyat seperti yang terdapat dalam Boria, Dondang Sayang, Rentak Kuda, Dikir Barat dan beberapa bentuk nyanyian rakyat lagi. Malah, mutakhir ini,

pada nasyid yang dianggap bersifat keagamaan itu pun, terdapat pantun digunakan dengan meluas sekali (Zainal Abidin Bakar (peny), 1991: 3)

Keindahan sesebuah karya pantun tradisional terletak melalui bahasa yang digunakan. Lantaran itu sastera ini cukup rapat hubungannya dengan bahasa yang disampaikan. Sesungguhnya bahasa menjadi alat perantaraan bagi menyampaikan amanat atau mesej dalam karya sastera tidak kecuali pantun. Pastinya melalui bahasa, sesebuah hasil sastera itu dapat disampaikan dan disebar. Keindahan bahasa, isi dan tujuannya dapat dirasai melalui penggunaan bahasanya walaupun bahasa yang disampaikan secara ekonomik tetapi padat, berisi dan bernas. Bahasa dalam pantun ialah sebagai alat komunikasi yang digunakan bagi memindahkan pengalaman jiwa, iaitu pemikiran orang Melayu tradisi yang melihat melalui rasa hati dari segenap kehidupan harian. Bahasa dalam pantun bukan sahaja mengutamakan kefahaman tetapi juga penyusunan kata-kata yang tepat agar dapat dihayati oleh masyarakat. Bahasa yang tersusun indah dengan penggunaan kata yang terpilih dan berirama, dibentuk dengan beberapa tujuan, misalnya bagi menyampaikan sesuatu fikiran untuk kebaikan manusia sejagat. Justeru itu, pantun Melayu padat dengan nilai estetika, dihiasi pula pelbagai gaya yang merupakan identiti budaya berbahasa masyarakat Melayu lama. "Dalam masyarakat Melayu lama, bahasa merupakan salah satu saluran perhubungan mereka. Sebagaimana bahasa yang digunakan sehari-hari, bahasa puisi juga berfungsi sebagai alat perhubungan atau komunikasi. dengan demikian, lahir puisi Melayu tradisional khususnya pantun merupakan saluran yang tersendiri untuk membuat perhubungan" (Wan Akmal Wan Semara, 2005: 24).

Pantun selalu dianggap sebagai alat komunikasi antara anggota-anggota masyarakat. Pantun-pantun yang bertemakan kasih sayang adalah hasil komunikasi daripada kegiatan menggunakan pantun dalam suasana berkasih

sayang, sama ada diucapkan secara langsung, melalui lambang atau tulisan, atau melalui perantaraan suatu suasana yang berkenaan, pantun-pantun dalam istiadat perkahwinan adalah hasil daripada cara berkomunikasi yang dirasakan lebih sesuai dan berkesan dalam konteks yang dimaksudkan. Demikian pantun jenaka yang berfungsi sebagai alat komunikasi dalam menyampaikan rasa mesra dan ‘humor’ antara anggota-anggota masyarakat. Daripada contoh-contoh yang dikemukakan seolah-olah menjelaskan bahawa seluruh aspek kehidupan masyarakat dapat digambarkan melalui pantun (Harun Mat Piah, 1989: 188-189).

Bahasa merupakan alat pengucapan perhubungan atau komunikasi yang terpenting dalam kehidupan manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Tanpa bahasa manusia tidak dapat berhubung dan merealisasikan perkara yang ingin disampaikan antaranya memberi nasihat. Justeru itu bahasa perlu dipelajari dan dikuasai bagi memenuhi keperluan sosial dalam kehidupan seharian. Di samping itu tujuan utama komunikasi adalah untuk menyampaikan maksud atau maklumat. Oleh itu adalah penting bagi pendengar untuk menginterpretasi maksud yang disampaikan oleh penutur agar komunikasi menjadi lebih berkesan dan berjaya. Kesalahfahaman pasti berlaku sekiranya makna yang diinterpretasikan oleh pendengar menyimpang dari maksud asal yang ingin disampaikan. Hal demikian kerana bahasa sebagai sistem makna tidak menyerlahkan keseluruhan makna menerusi komunikasi kerana ada makna yang terselindung yang memerlukan pemikiran yang kritis dan persepsi yang mendalam untuk mengesannya. Unsur-unsur kognitif yang terselindung dalam sistem makna sesuatu bahasa merupakan satu fenomena yang menarik untuk dikaji. Selain daripada unsur-unsur yang dijelaskan, Noriah Taslim;

Bentuk pantun yang unik, sifatnya yang profan, bahasanya yang bebas dari pantang-larang (tidak seperti mantera), mungkin menjadikannya mudah dicipta; kewujudannya yang lebih akrab dengan masyarakat bawahan (*folk*), memudahkannya tersebar dengan selesa dalam kalangan masyarakat. Selaras dengan perkembangan budaya dan tamadun manusia Melayu, pantun menjadil bertenaga, tukang-tukang pantun dapat berpesta dengan bahasa yang kian kaya perbendaharaannya, unsur-unsur persekitaran pula menjadi lautan ilham yang

tidak pernah kering dan pupus. Sebagai unit-unit makna yang dapat wujud kendiri, setiap rangkap pantun boleh membawa satu tema atau ide yang lengkap/utuh. Bayangkan betapa banyak idea dan tema yang dapat digarap oleh pantun tiada noktahnya (Noriah Taslim, *Pantun Dan Psikodinamika Kelisanan*. sumber, <http://pantun.usm.my/makalah1-1.asp>)

Begitu jugalah dengan pantun sebagai suatu bentuk seni berbahasa yang kreatif sememangnya memperlihatkan kepelbagaiannya maksud yang tersirat di sebalik kata-kata yang tersurat. Hal ini perlu diamati menerusi pantun yang dicipta dengan pembawaan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan seumpamanya. Akal budi orang Melayu menjadikan mereka berbudi bahasa dan setiap tutur kata dipenuhi dengan ungkapan kias-mengias yang juga dikenali bahasa kiasan. Hal demikian kerana lazimnya apabila merujuk bahasa atau rangkai kata dalam menyebut sesuatu perkara dengan tujuan membayangkannya dengan perkara yang lain. R. J. Wilkinson dan R. O. Winstedt, dalam *Pantun Melayu* (1961: 111) pula menegaskan pantun kuat hubungannya dengan hati nurani dan fikiran orang Melayu. Melalui pantun kita dapat mengenali peribadi orang Melayu. Mereka menyatakan bahawa, orang asing yang belum mengenal pantun, boleh dikatakan orang itu belum mengenal rohani dan jalan fikiran orang Melayu yang sebenar.

Masyarakat Melayu mempunyai kreativiti⁵ dalam pelbagai hasil seni. Hal ini termasuklah seni berbahasa yang digunakan untuk menyalurkan pemikiran melalui bait-bait pantun. Masyarakat Melayu tradisi memperlihatkan kehalusan budi melalui penggunaan bahasanya. Oleh itu, pemikiran atau amanat yang hendak disampaikan tidak dilakukan secara berterus terang, tetapi dalam bentuk bahasa yang halus dan berkesan. Elemen bahasa ini kadangkala memerlukan penjelasan, penelitian bagi memahaminya kerana setengahnya pula terlalu kabur dan peribadi sifatnya. Justeru itu ianya

memerlukan daya fikir yang tinggi untuk menterjemahkan maksud yang tersirat dan tersurat. Kepentingan pantun Melayu dijelaskan seperti berikut;

Salah satu bentuk tradisi lisan Melayu yang masih hidup dan digunakan oleh masyarakatnya ialah pantun. Pantun bukan sahaja digunakan sebagai alat hiburan, kelakar, sindiran, melampiaskan rasa rindu dendam antara bujang dengan dara, tetapi yang lebih menarik ialah peranannya sebagai media dalam menyampaikan tunjuk ajar (Tenas Effandy, 2007: ix)

Unsur bahasa yang digunakan dalam pantun seperti perlambangan, perbandingan, pertentangan, penegasan dan sindiran amat penting dalam menyampaikan perasaan seperti kesedihan, keindahan mahukan kegembiraan yang tersembunyi. Hal ini jika diamati dan dilihat melalui penyusunan dan pemilihan kata-kata sesebuah pantun mempunyai hubung kait antara pembayang dan maksud pantun yang diucapkan. Unsur ini sangat penting dalam membentuk hasil seni yang tinggi nilainya dan secara langsung memberi impaknya tersendiri terhadap masyarakat. Bahasa yang digunakan paling imaginatif dan kreatif, keadaan ini yang memastikan bahawa masyarakat Melayu tradisi berupaya memanipulasikan unsur bahasa dengan pelbagai gaya bagi menyampaikan buah fikiran, perasaan yang baik dan berkesan.

Pantun Melayu seperti juga peribahasa, perpatih, pepatah, kiasan, perbilangan, perlambangan, sindiran, imejan merupakan gaya persembahan yang baik yang memperlihatkan penggunaan suku kata seperti awalan, sisipan atau akhiran, tegasnya pembayang dan maksud di baris akhir. Pantun juga menggunakan bahasa yang disesuaikan dengan teknik penghasilan penciptaan dengan memilih kata-kata yang tepat dan bermakna sehingga tidak dapat diubah ganti dengan perkataan yang lain. Masyarakat Melayu tradisi walau dalam keadaan buta huruf dan serba kekurangan,

mereka dapat menghasilkan karya sastera yang tinggi mutu dan nilainya beracuan budaya bangsa yang tinggi tamadunnya. Pengolahan pantun yang tinggi mutunya, memerlukan kebijaksanaan untuk mencari rima akhir dan menjaga susunan kata-kata, memilih lambang-lambang yang sesuai dan kata-kata yang tepat bagi menjelaskan gagasan dan pemikiran di samping dapat memberi kesan yang hendak disampaikan agar tepat kepada sasarannya. Ketelitian dan daya pengolahan pantun sebagai suatu bentuk seni yang tinggi nilainya dalam masyarakat Melayu lama menjadi khazanah bangsa, karya agung yang perlu dijaga dan diketengahkan.

Dalam konteks ini, penggunaan bahasa yang indah dan tinggi mutunya amat ketara dalam pantun Melayu. Bahasa yang digunakan memberikan erti yang tepat dan jelas untuk ditanggapi mengikut tujuan atau kehendak tertentu. Oleh sebab itu, pantun menjadi alat komunikasi yang sangat istimewa kerana bahasanya yang tepat dan mempunyai mesej untuk mendidik masyarakat. Keistimewaan bahasa dalam pantun menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu mendidik masyarakat supaya beradat dan beradab. Dalam hal ini, pantun yang istimewa kelihatan indah bahasanya dapat pula dijadikan sebagai bahan rujukan dan sumber pelbagai ilmu. Paling ketara ada ilmu tentang alam semesta yang sering dijadikan pembayang pantun.

Melalui pantun terpancar budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak mengkritik secara langsung atau berterus terang tetapi secara halus dan berhemah. Seperti kebanyakan sastera tradisional, pengarang tidak dikenali namun pengarang pantun adalah mereka yang boleh dikategorikan sebagai pemikir yang amat tajam pemerhatiannya terhadap alam dan masyarakat sekeliling. Kepekaan pengarang terhadap alam sekitar, perilaku dan tingkah laku bagi manusia menterjemahkan tentang

kritikan untuk membawa kebaikan. Kebanyakan pengarang pantun juga menggunakan keindahan bahasa seperti perbandingan, tamsilan seperti perumpamaan, metafora, simile dan personifikasi yang kaya dengan imej alam. Sesungguhnya, imej-imej alam ini perlu dikupas dan ditafsir untuk mencari maksud yang sebenar. A.W. Hamilton seorang pengumpul dan penterjemah pantun menyatakan;

Untaian pantun Melayu tiada pengarangnya. Mungkin pernyataan ini tidak begitu tepat. Sebenarnya, pengarangnya wujud pada suatu waktu, dan kata-kata serta maknanya ialah hasil pejal daripada bakatnya. Namun, oleh sebab budaya lisan tidak biasa mencatatkan nama pengarangnya, dan budaya ini tidak perlu mementingkan hak seseorang pengarang ke atas karyanya, terutama dalam masyarakat yang berkongsi semua hal, seperti dalam sesebuah keluarga besar, maka nama pengarang karya-karya ini tidak pernah disebut atau diingat orang. Pemantun juga tidak berdasarkan penting bahawa namanya diturunkan. Selepas karya dicipta, dia berasa agak puas sekiranya pantun itu terus digunakan orang (*Kurik Kundi Merah Saga*, 2006: xxvi)

Hal yang cuba diungkapkan oleh A.W. Hamilton ialah tentang pantun yang tidak diketahui nama pengarangnya. Namun pantun dijadikan sebagai hak bersama dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Keunggulan pantun dalam masyarakat Melayu menjadi wadah yang amat penting dalam menyampaikan pelbagai rencah hidup yang ditempuhi oleh masyarakat Melayu ketika itu. Pantun menjadi alat hubungan manusia dengan alam dan melahirkan manusia yang bernama ‘Melayu’ menjadi bangsa yang mempunyai nilai budaya, berbudi bahasa, dan sudah terbukti meletakkan ke mercu tamadun yang tinggi.

1.2 PEMASALAHAN KAJIAN

Pantun merupakan puisi Melayu Klasik yang paling popular dan sering digunakan secara meluas. "Pantun adalah salah satu genre puis tradisional yang diwarisi oleh masyarakat Nusantara atau Dunia Melayu, mungkin dari zaman prasejarah lagi. Ia dikenali dan diabadikan dalam pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu yang menduduki daerah yang cukup luas, meliputi seluruh kepulauan Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, Brunei, dan kepulauan selatan Filipina. Di luar Dunia Melayu pantun dikenali di Seri Langka; dan di Eropah, Perancis dan Czechoslovakia" (Harun Mat Piah dan Hassan Ahmad, 2001: I). Bukan itu sahaja, pantun juga merupakan puisi Melayu Klasik yang tidak diragukan sifat keasliannya. Tidak terdapat bentuk sedemikian dalam puisi-puisi bangsa lain secara asli, melainkan dari bangsa Melayu di kawasan Nusantara.

"Begitu mesranya pantun dalam masyarakat. Hal ini dapat dikesan sebagai suatu yang telah berlangsung sekian lama, mungkin satu lanjutan daripada tradisi lisan yang begitu gemilang pada zaman silam. Tradisi berpantun sememangnya telah tersebar luas dalam masyarakat Melayu tradisional. Begitu luasnya penggunaan pantun dalam masyarakat sehingga kita berasa pantun telah membentuk sebahagian daripada bahasa basahan sehari-hari" (Zainal Abidin Bakar, 1983: 3-4)

Pantun Peribahasa Melayu merupakan sebahagian daripada Pantun Melayu yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. "Peribahasa merupakan salah satu cabang kesusastraan lisan Melayu. Peribahasa lahir daripada rasa dan pengalaman hidup yang ditempuh oleh masyarakat Melayu lama. Peribahasa diucapkan dengan kata-kata yang indah dan sedap didengar, susunan bahasanya. Di samping itu, peribahasa membawa pengertian dan tujuan yang benar untuk menjadi panduan kepada masyarakat. Melayu lama" (Ismail Ahmad, 1987: 239).

Peribahasa yang berbentuk pantun boleh digolongkan sebagai pantun. Pembentukan peribahasa itu sama seperti pantun, sama ada dari segi pembinaan baris, sampiran, rima tengah dan rima akhir. Dari segi baris, peribahasa itu terdiri dari empat baris serangkap, manakala rima tengah dan rima akhir ialah a,b,a,b, iaitu rima. Pantun empat kerat umpamanya terdiri daripada dua baris pertama yang berfungsi sebagai pembayang maksud; dan dua baris terakhir berfungsi sebagai maksud yang hendak disampaikan. Justeru itu, *Pantun Peribahasa Melayu* yang dipilih hasil susunan dan gubahan Loo Mun seorang yang bukan berbangsa Melayu sudah tentu menarik untuk dikaji. Minat Loo Mun yang mendalam menyusun teks *Pantun Peribahasa Melayu* yang sememangnya bersifat universal; bukan sahaja terhad kepada sesuatu bangsa, malah sebagai memberi pengajaran, pedoman yang amat berguna dalam meniti kehidupan untuk semua bangsa di dunia.

Banyak pendapat yang mengatakan bahawa pantun bukan sahaja kepunyaan, bahkan ciptaan orang Melayu di Nusantara ini, Pendapat tersebut telah diperkuuhkan lagi oleh Harun Mat Piah setelah dia mengusahakan perbandingan antara pendapat-pendapat Winstedt, Teeuw, Overbeck dan Prampolini. Harun menyimpulkan bahawa pantun adalah ciptaan yang asal dalam masyarakat Melayu, bukan saduran dari Jawa, India atau Cina (Mohd. Yusof Md. Nor, Abd. Rahman Kaeh, 1996: vii)

Melalui pantun terpancar budaya masyarakat Melayu tradisional yang tidak menegur secara langsung dan berterus terang tetapi secara halus. Kata-kata yang digunakan dalam pantun adalah lambang-lambang yang mengandungi makna yang tersurat dan tersirat; perlu dianalisis dengan pemikiran yang matang lagi bijaksana. Pengarang pantun adalah pemikir yang amat tajam pemerhatiannya terhadap alam dan masyarakat di sekelilingnya. Mereka peka terhadap perkara yang berlaku dan menyampaikan teguran, kritikan, nasihat, pendidikan dan kiasan untuk kebaikan.

Pengarang pantun menggunakan perbandingan dan tamsil seperti perumpamaan, metafora, simile dan personifikasi yang kaya dengan imej alam yang perlu ditafsir untuk mengetahui seribu makna maksud sebenar pantun. R.O. Winstedt, sebagai pengkaji orientalis yang cukup banyak membicarakan hasil-hasil kesusasteraan Melayu berpendapat bahawa;

Pantun mungkin telah dikenali dalam masyarakat Melayu Melaka, pada sekitar abad kelima belas. Ini berasaskan bukti bahawa pantun telah digunakan dalam Sejarah Melayu yang dipercayai telah wujud pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah, Sultan Melaka yang memerintah antara tahun 1424-1444M, iaitu daripada naskah prototaip yang dirujuk sebagai "Hikayat Melayu". Naskah tersebut telah ditokok tambah pada zaman-zaman kerajaan yang kemudiannya hingga melahirkan edisi Tun Seri Lanang yang kita kenali sekarang sebagai *Sulalatus-Salatin* atau *Sejarah Melayu* (Winstedt. 1969: 196-198).

Pantun adalah sastera tradisi yang masih hidup sehingga masa kini. Fungsinya merangkumi segala aspek kehidupan dalam masyarakat Melayu. Pantun peribahasa Melayu merupakan sebahagian daripada nilai budaya bangsa Melayu yang begitu tinggi dan tidak ternilai. Peribahasa ialah satu susunan bahasa yang indah dan menarik dituturkan oleh orang ramai sejak lama dahulu. Oleh kerana susunan bahasanya yang cantik dan membawa pengertian yang bijaksana, susunan bahasa ini dipakai orang untuk menjadi teladan, bandingan dan pengajaran.

Makna peribahasa yang padat dengan pengajaran dan panduan hidup, juga menarik didengar, malah mempunyai daya penarik lain iaitu iramanya menawan hati. Intipatinya menyerlahkan pelbagai rencah kehidupan manusia jika diamati secara halusi. Justeru itu, falsafah atau pemikiran orang Melayu digabungkan melalui bahasa yang disusun indah mempunyai pengertian yang sangat bermakna serta pengalaman

semasa yang dapat mencetuskan pelbagai panduan bermasyarakat tanpa mengira zaman. Selain itu, Alwi Salim menyatakan;

Makna peribahasa bukan sahaja sekumpulan perkataan yang padat tetapi sedap pula didengar telinga. Ciri akhir ini melayakkan peribahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan. dalam mengucapkannya,bentuk-bentuk ini mempunyai satu cara yang tersendiri; berprosodi, sepenggal-sepenggal dan berirama (Alwi Salim, 1983: 19).

Peribahasa amat unik kerana dengan dua rangkap sahaja ia dapat berdiri dan boleh menyampaikan maksud dengan jelas, padat dan berkesan kepada khalayak. Menyentuh tentang peribahasa, Pendita Za'ba turut berpendapat;

Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataanya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Maka ialah juga yang dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat peribahasa yang telah disebutkan itu (Za'ba, 1962: 165).

Berdasarkan pengertian yang diberikan oleh Za'ba di atas dan bandingan dengan ciri-ciri puisi yang digunakan dalam kajian ini, dapatlah diringkaskan bahawa pantun peribahasa merupakan ungkapan-ungkapan peribahasa yang terdiri daripada empat keratan yang sejajar, mempunyai empat baris seperti pantun-pantun lain iaitu empat kerat, terdiri daripada pembayang dan maksud yang dijelmakan oleh orang Melayu tradisi berdasarkan pemikiran yang cukup tinggi nilai budaya serta akal budi. Sebagai contoh, diperturunkan beberapa tiga buah pantun peribahasa empat kerat untuk melihat pemikiran orang Melayu lama yang dapat menyelami perasaan setiap denyut nadi kehidupan.

Sungguh tinggi pohon merbau,
Tinggi tak sama pohon kemboja;
Berapa tinggi terbang bangau,
Akhirnya kebelakang kerbau juga. (Loo Mun, 1968: 13)

Dari Daik Ke Kota Raja,
Berhenti semalam di Tapanuli;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali. (Loo Mun, 1968: 14)

Dari Jambi pergi Berunai,
Singgah bermalam di Bandar Kucing;
Biar mati di tangkap harimau,
Jangan mati digigit anjing. (Loo Mun, 1968: 14)

Budaya Melayu selalunya memberi ingatan, pengajaran atau panduan dalam bermasyarakat. Nilai moral yang tinggi terdapat melaui pantun di atas. Apabila melihat dengan mata hati pembayang pantun peribahasa menjurus kepada maksud yang tersembunyi. Justeru itu, pemerhatian tiga pantun peribahasa yang digarap oleh pengarang memberi ingatan supaya agar jangan lupa diri, "berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga". Maksudnya berapa jauh pergi merantau akhirnya kembali juga ke kampung halaman. Nasihat agar melakukan perkara yang baik dan menjauhi kejahatan. "Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali". Sifat orang Melayu sentiasa memberi perhatian kepada masyarakat sebagai pedoman hidup yang berguna. Peribahasa ketiga bermaksud "biar kalah dengan orang besar daripada kalah dengan orang kecil". Pemikiran orang Melayu dahulu, memberi ingatan agar seseorang dapat jangan lupa dari mana asal usulnya, berbuat baik berpada-pada dan jangan sesekali melakukan kejahatan. Di samping dalam sebarang perjuangan biar kalah dengan orang yang kuat daripada dikalahkan orang yang lemah. Rangkap-rangkap pantun yang terhasil memperlihatkan masyarakat tradisional menggunakan bahasa pantun yang menarik untuk

memberi teguran secara berlapik. Hebatnya peranan pantun ketika itu menjad wadah atau wacana yang sangat berkesan.

Keseluruhan pantun peribahasa tersebut menggambarkan orang Melayu begitu tinggi pemikiran mereka dalam menyampaikan nilai-nilai moral yang terbaik untuk diamalkan. Kajian ini akan berfokus sebuah teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968) yang disusun oleh Loo Mun⁶. Teks ini mengandungi 80 rangkap pantun peribahasa yang dikumpul dan disusun dalam pelbagai tema dan persoalan masyarakat lama yang menarik, seperti pendidikan, nasihat, percintaan, kemanusiaan, budaya, adat istiadat, kiasan, bidalan, pepatah dan perumpamaan. Pantun-pantun tersebut dilihat memberi penekanan falsafah dan pemikiran Melayu; Di samping itu, pantun-pantun tersebut juga menyerlahkan kearifan tempatan. Hal ini dijelaskan oleh Ismail Hussein melalui prakatanya dalam teks tersebut;

Pantun dapat dikatakan satu bentuk puisi Melayu yang asli walaupun ada percubaan untuk menyamakan bentuk puisi ini dengan bentuk puisi rakyat dalam kebudayaan-kebudayaan lain, dengan bentuk *copla* Sepanyol misalnya, pantun ini adalah satu bentuk seni yang mempunyai tradisi kerakyatan yang amat lama dan masih diminati dan mudah dimengerti oleh rakyat jelata. Oleh itu kita harus menggunakan seluas-luas mungkin. Sebab inilah saya rasa gembira sekali apabila saudara Loo Mun cuba menghidupkan kembali minat terhadap puisi pantun ini (Ismail Hussein, 1968: 1-3)

Walaupun teks ini hanya mengandungi 80 rangkap pantun empat kerat tetapi nilainya cukup tinggi untuk diselami, diterokai dan dianalisis secara ilmiah. Terdapat pelbagai isu yang menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu lama yang sarat dengan panduan hidup serta membina moral yang baik. Selain itu, mengenal pasti dan memberi penekanan tentang falsafah pemikiran Melayu yang terdapat di dalamnya. Loo Mun seorang yang bukan berbangsa Melayu memberi perhatian serius terhadap pantun

peribahasa Melayu, tentunya ada sesuatu yang istimewa dan menarik minatnya di sebalik pantun-pantun tersebut. Hal ini menunjukkan minat pantun bukan terhad kepada golongan orang Melayu sahaja tetapi bangsa lain juga. Kajian yang akan dilakukan berasaskan Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu yang seiring dengan agama Islam. Pendekatan gunaan bersandarkan nilai-nilai kemelayuan; soal-soal kepercayaan, kebudayaan dan cara hidup orang Melayu seiring dengan pegangan agama Islam yang dianuti. Daya cipta dan kreativiti orang Melayu dalam pelbagai bidang ilmu dan kemahiran turut terpancar. Selain itu objek alam iaitu objek dari hasil ciptaan Allah merupakan setiap kejadian mempunyai manfaat kepada makhluk berbanding sastera adalah ciptaan manusia juga untuk memberi manfaat kepada khalayak. Setiap kejadian perlu mempunyai sebab, hikmah dan berperanan tertentu. Berdasarkan pegangan begini, maka sastera dan kejadiannya mempunyai bentuk dan fungsi sebagai alat untuk memberi kemanfaatan kepada manusia dan kehidupannya. Pendekatan moral pula bersifat mengajar dan mendidik, melalui sastera dapat menilai perbandingan atau teladan yang baik, juga memberi manfaat kepada masyarakat. Kedua-dua pendekatan ini akan digunakan untuk menganalisis teks tersebut dalam kajian ini.

1.3 SKOP KAJIAN

Skop kajian yang akan dilakukan berdasarkan teks *Pantun Peribahasa Melayu* susunan Loo Mun seorang berbangsa Cina mempunyai minat yang mendalam tentang nilai budaya pantun Melayu amat dikagumi. Tentunya terdapat banyak keistimewaan tentang pantun peribahasa Melayu menyebabkan seorang yang bukan berbangsa Melayu berminat untuk mengumpul koleksi pantun yang begitu indah dan menarik.

Analisis pantun peribahasa Melayu berjumlah 80 buah akan dapat diungkap secara menyeluruh, termasuk tema-tema dan persoalan yang menarik untuk dikupas dapat dikongsi pengalaman tentang kehalusan budaya Melayu yang disampaikan secara indah, tertib dan penuh dengan nilai moral. Nilai-nilai ini juga boleh dijadikan panduan kehidupan yang merangkumi pengajaran, ingatan dan teladan boleh diamalkan oleh masyarakat buat sepanjang zaman.

Selain gaya persembahan yang menarik, puisi Melayu tradisional juga menggunakan bahasa yang tepat serta elemen bahasa yang lain seperti peribahasa, pepatah, petitih, kiasan, perbilangan, perlambangan, sindiran, imejan, di samping kepersisan penggunaan patah kata, suku kata seperti awalan, sisipan atau akhiran. Oleh sebab itu, salah satu unsur yang penting dalam menganalisis sesebuah puisi Melayu tradisional ialah unsur-unsur bahasa yang terdapat di dalamnya. (Wan Akmal Wan Semara, 2005: 3)

Pantun juga merupakan sastera lisan paling diminati dan popular di Nusantara. Boleh dikatakan setiap pelosok alam Melayu, pantun digunakan dalam pelbagai keadaan atau suasana. Secara langsung pantun sangat memikat dengan irama dan lagunya menyentuh hati nurani orang yang mendengarnya. "Pada umumnya, bagi orang Melayu, pantun sudah mendarah daging, mereka bukan sahaja arif menyemak makna yang terkandung dalam pantun, mereka juga dapat merangka pantun, bahkan banyak pula yang mahir berpantun" (Tenas Effandi, 2007: xv). Penerimaan masyarakat tentang peranan pantun memberi impak yang berkesan dalam hubungan untuk memupuk kelangsungan sosial budaya Melayu yang amat dikagumi. Kepintaran menyusun kata-kata yang indah, ditambah lagi dengan maksudnya dapat memberi sesuatu ke arah mewujudkan nilai hidup yang bermoral lagi beretika.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti peribahasa Melayu yang terdapat dalam teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968) secara mendalam khusus mendekati falsafah pemikiran orang Melayu tradisional yang begitu unik dan melampaui masa dan zaman.
2. Menganalisis tentang kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif yang diwarisi oleh bangsa Melayu tradisional, antaranya pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat dikesan.
3. Membincangkan tentang nilai murni, nilai-nilai kemelayuan, sosial budaya masyarakat Melayu lama yang terkandung dalam pantun-pantun peribahasa di dalamnya terdapat pengajaran, tunjuk ajar, sebagai panduan hidup yang baik yang diamalkan oleh masyarakat tradisional.

1.5 KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan pembacaan dan penyelidikan di perpustakaan, pengkaji mendapati ada beberapa pengkaji yang membuat kajian berkaitan dengan pantun Melayu. Antaranya, sebuah tesis Arbakyah Hassan bertajuk *Kias Ibarat Dalam Pantun Melayu* (2004) tesis Ijazah Sarjana Sastera (M.A.) Universiti Sains Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan yang diberikan terhadap pantun Melayu yang mengandungi unsur-unsur kias ibarat. Kajian ini memperlihatkan kepentingan teknik, di samping menyorot makna disebalik pengertian yang tersembunyi serta rangkai kata yang penuh simbolik. Secara keseluruhannya, tesis tersebut, menjelaskan tentang pantun Melayu yang mempunyai

makna yang perlu dikupas secara intelektual atau bijaksana. Penelitian yang mendalam agar kias dan ibarat dapat dihuraikan kepada khalayak memahaminya sejelas-jelasnya. Tesis di atas memberi tumpuan pantun berbentuk kias dan ibarat sahaja berbanding dengan kajian yang dilakukan kepada pantun peribahasa Melayu. Walaupun persamaan dalam menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu tetapi kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih tertumpu keistimewaan pantun peribahasa Melayu susunan Loo Mun yang menyentuh pelbagai tema yang menyerlah pemikiran orang Melayu tradisional berdasarkan kehidupan dan kebudayaan orang Melayu zaman lampau, juga kreativiti mereka dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Disamping itu terdapat nilai-nilai moral yang tinggi, pengajaran serta nasihat berguna yang boleh dikutip dan dijadikan sebagai panduan kehidupan.

Norita Ariffin pula melalui tesis *Nilai Budi Masyarakat Melayu Dalam Pantun* untuk Ijazah Sarjana Sastera Universiti Putera Malaysia (Febuari 2006). Kajian yang dilakukan untuk melihat nilai budi masyarakat Melayu tradisional melalui kumpulan pantun *Bingkisan Permata* terbitan Yayasan Karyawan (2001). Menggunakan Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, pendekatan yang digunakan ialah moral, seni, dakwah dan kemasyarakatan. Objektif kajiannya untuk melihat nilai budi dalam masyarakat Melayu yang diterap melalui pantun. Tumpuan memperinci nilai budi di dalamnya terpancar nilai baik hati, berhemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesyukuran dan keberanian. Jika dibuat perbandingan kajian tersebut hanya tertumpu pantun-pantun pilihan biasa bertemakan budi. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji pula melalui pantun-pantun pilihan peribahasa Melayu menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu lebih kepada pendekatan gunaan dan moral. Menganalisis pelbagai isu tentang nilai-nilai baik dan kepercayaan orang Melayu dahulu seiring dengan

kehendak agama Islam yang dianuti. Selain itu mengesan budaya orang Melayu tradisional yang memberi manfaat dan sebagai pengajaran bermasyarakat.

Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti (2005) tesis Sarjana (M.A)

Shuib Dan daripada Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur membuat kajian melalui *Kumpulan Pantun Melayu*, oleh Zainal Abidin Bakar (peny) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1994. Menganalisis seratus lima puluh pantun bertemakan agama sebagai bahan kajian. Pantun yang mempunyai keistimewaan tersendiri mencerminkan pemikiran dan corak hidup masyarakat Melayu tradisional. Keupayaan pantun berperanan sebagai alat pengucapan agama dan membentuk akhlak yang mulia. Kajian jenis pantun yang bertemakan keagaman dikaitkan dengan hubungan dengan Al-Quran sebagai bahan analisis. Menggunakan Teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, pengkaji cuba melihat pengaruh Al-Quran dalam pantun Melayu. Dalam hubungan ini, kajian tersebut menggunakan teori pengkaedahan Barat sebagai bahan analisisnya. Pengkaji memilih menggunakan teori tempatan, Teori Pengkaedahan Melayu sebagai asas kajian agar nilai bangsa dan budaya Melayu dapat mendekati lagi secara halusi melalui kajian dalam pantun peribahasa Melayu. Lebih-lebih lagi teori digunakan yang dihasilkan oleh Hashim Awang sarjana tempatan yang lebih memahami deria rasa sastera bangsa sendiri.

Sementara Mohd. Rashid Md. Idris, tesis Doktor falsafah (PhD) melalui tajuk *Falsafah Bahasa: Nilai Dan Etika Melayu Islam Dalam Pantun* (2009) daripada Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya membincangkan tentang falsafah bahasa dan juga nilai estika Melayu Islam yang terdapat dalam pantun Melayu. Pengertian falsafah atau pemikiran dari sudut bahasa, nilai keindahan orang Melayu beragama Islam yang